

TARIKH	RABU, 24 DISEMBER 2025
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	MALAYSIA BAKAL MODEL TADBIR URUS MODEN PERINGKAT GLOBAL
M/S	2
BIDANG	CIVIL SERVICE, MANAGEMENT
KATA KUNCI	

Akta ILTIZAM

Malaysia bakal model tadbir urus moden peringkat global

Pelaksanaan budayakan khidmat beretika, telus serta bina kepercayaan rakyat

Putrajaya: Pelaksanaan Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 (Akta ILTIZAM) [Akta 867] menandakan langkah berani Malaysia ke arah membentuk perkhidmatan awam yang adaptif, tangkas dan berorientasikan hasil.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, berkata pelaksanaan akta itu bukan sahaja bertujuan membina semula kepercayaan rakyat, malah bakal meletakkan Malaysia sebagai model tadbir urus moden pada peringkat global.

"Rasional penggubalan Akta ILTIZAM adalah bagi memastikan reformasi perkhidmatan awam tidak lagi dilaksanakan secara terasing, sebaliknya diperkukuh melalui kerangka perundangan yang jelas, konsisten dan berakuntabiliti.

"Akta ini menegaskan komitmen kerajaan untuk mengurangkan kerenah birokrasi, mempermudah proses kawal selia serta memastikan perkhidmatan kerajaan lebih responsif terhadap keperluan rakyat dan komuniti perniagaan," katanya kepada BER-NAMA dalam temu bual di sini.

Wan Ahmad Dahlan berkata, antara inti pati utama akta berkenaan ialah komitmen kerajaan untuk mengurangkan beban kawal selia sekurang-kurangnya 25 peratus dalam tempoh tiga tahun, selain pelaksanaan Dasar Satu Masuk-Satu Keluar bagi memastikan kecekapan sistem kawal selia negara serta pelaporan prestasi dan penarafan secara berkala.

"Dengan pendekatan ini, Akta ILTIZAM membantu mengurangkan kerenah birokrasi, pertindihan proses dan kelewatan keputusan yang boleh membuka ruang dan risiko salah guna kuasa. Ia juga menyokong pencegahan rasuah secara tidak langsung dengan memperkemas proses kerja, meningkatkan ketelusan dan memperjelas akauntabiliti institusi," katanya.

Wan Ahmad Dahlan berkata,

Akta ILTIZAM berperanan sebagai pelengkap strategik kepada peraturan sedia ada seperti Akta Badan-Badan Berkanun (Tatartib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan menetapkan standard minimum kecekapan dan tadbir urus yang perlu dipatuhi oleh setiap entiti kerajaan.

Penambahbaikan berterusan

"Pendekatan akta ini bersifat penambahbaikan berterusan melalui Indeks Prestasi Perkhidmatan Awam (I-PPA) dan bukan bersifat punitif. Ia bertujuan membudayakan perkhidmatan yang beretika serta telus.

"Dari sudut rakyat, penyampaian perkhidmatan yang lebih pantas dan mesra pengguna akan meningkatkan keyakinan terhadap keupayaan dan komitmen perkhidmatan awam. Secara keseluruhan, Akta ILTIZAM mem-

bantu membina kepercayaan rakyat dan memperkukuh imej perkhidmatan awam sebagai institusi yang progresif dan berprestasi tinggi," katanya.

Beliau berkata, Akta ILTIZAM akan diselaraskan dengan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Fasa 2 yang memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan analitik data bagi tujuan pengurusan bakat serta penilaian prestasi yang lebih objektif.

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan, Wan Ahmad Dahlan berkata, sebuah Pasukan Petugas Khas ILTIZAM (Alpha ILTIZAM) yang diterajui Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar telah ditubuhkan bagi memantau penajajaran serta penyelarasan merentas entiti kerajaan dalam memastikan pelaksanaan akta itu dilaksanakan secara serius, konsisten dan berimpak tinggi.

Akta ini menegaskan komitmen kerajaan kurangkan kerenah birokrasi, permudah proses kawal selia serta memastikan perkhidmatan kerajaan lebih responsif terhadap keperluan rakyat dan komuniti perniagaan



Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ibadat & Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:
"Allah berfirman: Apabila seorang beriman diuji dengan dimatikan orang dikasihinya, kemudian dia menerimanya penuh reda, mereka akan dibalas syurga." (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:11	1:21	4:41	7:11	8:27
Alor Setar	6:12	1:21	4:42	7:13	8:27
P. Pinang	6:11	1:20	4:42	7:14	8:29
Ipoh	6:07	1:18	4:41	7:13	8:28
Kuala Lumpur	6:03	1:16	4:38	7:13	8:27
Shah Alam	6:03	1:16	4:38	7:13	8:27
Johor Bahru	5:50	1:07	4:31	7:07	8:22
Kuantan	5:56	1:10	4:33	7:07	8:22
Seremban	5:59	1:14	4:37	7:12	8:27
Bandar Melaka	5:58	1:13	4:37	7:12	8:26
Kota Bharu	6:04	1:13	4:35	7:05	8:16
K. Terengganu	5:59	1:09	4:31	7:03	8:18
Kota Kinabalu	5:09	12:19	3:40	6:12	7:27
Kuching	5:26	12:42	4:06	6:41	7:56

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S12), BPM
2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM